

## **BAB 10**

### **KEMBARA SEPI: SATU PERJALANAN SENI MEGAT NORDIN**

*Raja Iskandar Raja Halid*

#### **PENGENALAN**

Kajian etnomuzikologi sememangnya melibatkan interaksi secara langsung atau tidak dengan mereka yang menghasilkan muzik – sama ada penyanyi, pemuzik, penggubah atau komposer. Ini telah berlaku sejak sekian lama di serata dunia, semenjak munculnya bidang itu sendiri. Bagaimanapun kajian terhadap pemuzik sebagai individu itu sendiri masih sedikit dan kurang mendapat perhatian (Nettl, 1983). Penulisan biografi di dalam etnomuzikologi kini menjadi semakin penting dan menurut Stock (2001) sebahagian besarnya berdasarkan empat tema utama: sejarah, advokasi, suara dan hermeneutik. Ruskin dan Rice (2012) berpendapat bahawa etnomusikologis ditarik ke arah kajian pemuzik individu kerana antara lain, kualiti muzik yang luar biasa yang mereka hasilkan, mewujudkan identiti sendiri dan peranan individu baharu dalam masyarakat muzik mereka. Mereka mencadangkan bahawa empat jenis individu perlu dikaji: inovator dalam tradisi, tokoh yang menduduki peranan penting dalam budaya muzik, individu dan penonton biasa serta mereka yang terlibat dalam pengeluaran muzik.

Sebagai contoh, Stokes (2010) melihat sejarah moden Turki dalam “kajian kes biografi” melalui tiga tokoh muzik popular Turki, yang dibingkai dengan idea “keintiman budaya” atau *cultural intimacy*. Di Malaysia, dalang wayang kulit terkenal, Hamzah Awang Amat telah diberi pengiktirafan sewajarnya melalui biografi yang ditulis oleh Ghulam-Sarwar Yousof (1997). Sebuah buku juga telah ditulis tentang